

Insiden kurang sihat malukan semua pihak

PENCER SILAT

PADA Ahad 18 Ogos lalu, saya bersama adik saya telah ke Dewan Badminton Singapura untuk menyaksikan Pesta Silat 1985.

Kami telah menyaksikan kehandalan pesilat-pesilat tanahair kita untuk menjuarai kelas-kelas pertandingan masing-masing.

Mutu kesenian mereka amat tinggi dan saya merasa sedih kerana tidak ramai penonton yang datang untuk sama-sama menyaksikannya.

Namun demikian, pada perlawanan yang kedua sebelum berakhir, seorang pesilat telah mengalami kecederaan.

Malangnya, guru pesilat yang tercedera itu melakukan tindakan yang tidak bertanggungjawab dan

24 AUG 1985

tidak sesuai dengan kesopanan bangsa dan budaya Melayu.

Guru itu telah meninggalkan pertandingan tanpa menunggu masa penyampaian hadiah-hadiah walaupun mereka telah menjuarai tiga kelas.

Sungguhpun mereka telah dipelawa sebanyak tiga kali oleh seorang pegawai Persisi, tetapi mereka enggan berbaris bersama para peserta lain dalam upacara penyampaian hadiah. Sebaliknya mereka bergegas keluar dari dewan.

Perbuatan mereka itu, tidak syak lagi memalukan pihak penganjur — Persisi — terutama di hadapan tetamu terhormat, seorang Anggota Parlimen dan wakil-wakil dari Persatuan Rakyat (PA) serta sebuah lagi kumpulan seni pertahan diri. Mengapakah guru silat itu sanggup bertindak demikian?

Sebagai seorang penonton, saya berpendapat bahawa tindakan mereka itu bukan saja menjejaskan silaturahim di kalangan guru-guru silat, malah tidak sesuai dengan keadaan masyarakat kita yang bersopan-santun dan berdisiplin.

MOHD HUSEIN ALI
Jurong East